

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DI ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA SABAH DENGAN LOFSA

Pada pagi berbahagia ini kita akan sama-sama menyaksikan Majlis Menandatangani Persefahaman (*MoU*) di antara UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), dengan *Labuan Offshore Financial Services Authority* (LOFSA).

Manfaat *MoU* dan Anugerah

Memorandum persefahaman ini merupakan pengiktirafan bagi membantu UMS menjadi sebuah universiti yang cemerlang. Melalui *MoU* ini, para pelajar UMS yang cemerlang akan menerima anugerah bagi menghargai semangat yang ditunjukkan dalam mengharungi dunia akademik masing-masing.

Pada dasarnya, anugerah ini akan diberikan kepada mahasiswa tahun pertama hingga tahun terakhir. Justeru ia akan menanamkan semangat dan keinginan para pelajar untuk mencapai dan mengekalkan prestasi cemerlang dari peringkat awal lagi.

Anugerah sedemikian amatlah sesuai memandangkan status UMS sebagai salah sebuah universiti yang agak baru di negara ini. Saya yakin, anugerah seperti ini dapat menggalakkan pencapaian kecemerlangan pendidikan di kalangan mahasiswa-mahasiswi UMS, terutama bagi mereka yang mengambil program perbankan dan kewangan serta perniagaan antarabangsa di bawah Sekolah Pemiagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKA).

Bahkan, anugerah seperti ini akan menggalakkan mahasiswa menjadi lebih sensitif dan bertanggungjawab untuk memperolehi ilmu pengetahuan yang akan digunakan untuk memajukan negara. Saya yakin, pelajar yang terpilih untuk menerima anugerah ini bukan sahaja cemerlang dalam aspek akademik, tetapi juga dalam aspek kokurikulum. Ini kerana pelajar yang cemerlang bukan sahaja mampu lulus peperiksaan untuk kepentingan diri semata-mata, namun mereka juga dapat menggunakan ilmu untuk faedah manusia sejagat.

UMS amat berbangga dengan komitmen yang diberikan oleh LOFSA kerana telah bersama-sama menyumbangkan idea ke arah meningkatkan kesedaran dan kecemerlangan mahasiswa dan mahasiswi UMS.

Penubuhan UMS-KAL

Beberapa tahun dahulu, sebuah universiti antarabangsa telah dicadangkan ditubuhkan di Labuan. Di samping meningkatkan tahap ekonomi pulau Labuan, antara tujuan penubuhan tersebut agar pulau Labuan menjadi pusat kecemerlangan akademik di rantau ASEAN. Alhamdulillah, di atas kebijaksanaan Kementerian Pendidikan dan semangat kerjasama yang diberikan oleh UMS, cadangan tersebut berjaya direalisasikan.

Penubuhan UMS-KAL di Labuan akan membawa perubahan kepada pulau berkenaan. Daripada sebuah pulau yang hanya dikenali sebagai destinasi pelancongan, Labuan akan berubah wajah menjadi pusat pendidikan terkenal. Malah, status Labuan sebagai Pusat Kewangan Pesisir Pantai Antarabangsa (IOFC) akan menjadi pemangkin kepada hasrat murni ini. Justeru itu, program akademik yang ditawarkan di bawah UMS-KAL juga telah disesuaikan dengan status tersebut. UMS telah menubuhkan SPKA yang diharap

Pengemudi Lapa Sakti

Koleksi Ucapan Naib Canselor UMS

dapat melahirkan pelajar cemerlang dan berkebolehan menguruskan ekonomi negara pada satu masa nanti. Pelajar-pelajar inilah yang diharapkan dapat membantu melindungi negara daripada spekulator luar yang ingin mengambil kesempatan melumpuhkan ekonomi negara.

Saya bagi pihak warga UMS sekali lagi berharap agar Anugerah Galakan Kecemerlangan Pelajar ini akan berterusan dan berkembang dengan melibatkan penyertaan yang lebih banyak daripada syarikat-syarikat kewangan dan bank-bank luar pesisir serta bank-bank tempatan di seluruh Malaysia. Saya yakin, penglibatan daripada pelbagai pihak akan membantu UMS mempercepatkan pencapaian misi dan visi UMS sebagai universiti berinovatif. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak di atas sumbangan mereka memberikan anugerah kecemerlangan kepada pelajar universiti ini.

Ucapan di Majlis Memorandum Persefahaman diantara Universiti Malaysia Sabah dengan LOFSA di Kampus Antarabangsa Labuan, UMS pada 29 Jun 2000.